




# RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK ICT (ISP)

INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

2013 - 2015





# ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH	4
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO)	5
1.0 PENGENALAN	6
2.0 SKOP PROJEK	6
3.0 PENDEKATAN PROJEK	7
4.0 TADBIR URUS PROJEK	9
5.0 NILAI TERAS, VISI, MISI, OBJEKTIF STRATEGIK DAN CARTA ORGANISI IDFR	11
6.0 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK ICT	13
7.0 TERAS STRATEIK ICT	14
8.0 PENJAJARAN STRATEGIK BISNES DENGAN STRATEGIK ICT	14
9.0 INISIATIF STRATEGIK ICT	16
10.0 PEMETAAN STRATEGIK ICT DENGAN RANGKA KERJA STRATEGIK ICT SEKTOR AWAM	16
11.0 PELAN TINDAKAN	18
12.0 PELAN PELAKSANAAN	22
13.0 FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN	28
14.0 PENUTUP	28
PENGHARGAAN	29

## PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1IDFR,

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya, pihak Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology Strategic Plan* (ISP), IDFR bagi tempoh 2013-2015.

Saya merasa amat berbangga kerana akhirnya pihak IDFR dapat jua merangka satu pelan perancangan yang jelas, khususnya memberikan fokus kepada pelaksanaan dan pembudayaan ICT di Institut. Pelan yang komprehensif ini merupakan kesinambungan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan penggunaan ICT dalam perkhidmatan awam dan seterusnya dapat melahirkan tenaga kerja di kalangan penjawat awam yang mahir IT.

Meskipun pelan ini dirangka hanya untuk tempoh tiga (3) tahun pelaksanaannya sahaja, namun pelan ini harus dijadikan satu gagasan tindakan yang perlu diberikan perhatian dan keutamaan, di samping tugas semasa dalam skop ‘core business’ IDFR. Perancangan yang dijelmakan ke dalam pelan ini merupakan usaha berterusan pihak IDFR untuk memastikan agar semua program yang disenaraikan tersebut dilaksanakan dalam tempoh masa yang dirangkakan demi merealisasikan hasrat Warga IDFR dalam dasar ICTnya. Saya berkeyakinan bahawa usaha-usaha dan perancangan yang terkandung di dalam pelan ini mampu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk memenuhi tuntutan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Pasukan Perunding ISP Sektor Awam, MAMPU yang diketuai oleh YBhg. Dato’ Dr. Zahari Othman, kerana di atas bimbingan dan kerjasama erat yang ditunjukkan beliau membolehkan ISP IDFR 2013-2015 berjaya disiapkan. Tidak ketinggalan juga, ucapan tahniah disampaikan kepada Ahli Jawatankuasa Projek Pembangunan ISP IDFR 2013-2015 yang diterajui oleh YBhg. Ambasador Aminahtun Hj A. Karim, selaku Pengurus Projek dan YBhg. Dato’ Zulkifli Yaacob selaku Pengarah Projek serta pegawai-pegawai lain, kerana di atas usaha mereka yang berterusan telah membolehkan Dokumen ISP ini dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dan berjaya bekerjasama dengan MAMPU dalam tempoh masa yang dirancang.

Saya mendoakan semoga pelan ini dapat dilaksanakan secara cekap dan tersusun bagi menyokong visi, misi serta objektif IDFR keseluruhannya. Saya turut mengharapkan agar pelan ini dijadikan pemangkin rangka kerja ICT IDFR dalam menyokong visi dan misi ICT Sektor Awam, sekaligus menyumbang kepada usaha pencapaian wawasan negara.

Salam hormat,

  
**DATO' HUSSIN NAYAN**

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO)



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1IDFR,


Bagi setiap organisasi, perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan terhadap apa juga program yang dirancang dan dilaksanakan. Tanpa perancangan yang jitu, sesebuah organisasi seolah-olah bergerak tanpa objektif dan matlamat yang jelas. Oleh itu, *ICT Strategic Plan (ISP) IDFR 2013-2015* dihasilkan sebagai panduan kepada Warga IDFR dalam memastikan penyampaian perkhidmatan IDFR kepada para pelanggan berada di landasan yang betul dengan mengambil kira keperluan untuk disesuaikan dengan perkembangan dunia semasa. Penggubalan pelan ini adalah dengan matlamat utamanya untuk:

- (i) Menjelaskan visi, misi, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT di IDFR dengan sokongan pemantapan sistem aplikasi, pengukuhan infrastruktur serta kompetensi dan tadbir urus ICT;
- (ii) Menyediakan pelan atau *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT dengan kos efektif, selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan pengoperasian IDFR bagi tempoh 2013–2015;
- (iii) Menetapkan hala tuju pembangunan dan penggunaan ICT di IDFR serta menyelaraskannya dengan KPI yang telah ditetapkan di dalam pelan ini; dan
- (iv) Menjadi sumber rujukan kepada Warga IDFR untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya melalui pembudayaan ICT.

Terdapat tiga (3) teras strategik yang dikenal pasti dalam proses penghasilan ISP ini, iaitu: Pemantapan Aplikasi Sistem dan Penggunaan Sistem; Pengukuhan Infrastruktur yang stabil dan selamat; dan Pengukuhan Kompetensi dan Tadbir Urus ICT di IDFR. Oleh itu, saya mengharapkan 24 program yang dirancang menerusi ketiga-tiga teras berkenaan dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan KPI yang ditetapkan. Seterusnya diharapkan juga agar ISP ini dapat menyokong peranan IDFR supaya sentiasa relevan dan efektif, selaras dengan tahap ekspektasi *stakeholders* dan masyarakat yang semakin meningkat.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua Pengarah Bahagian, Ahli Jawatankuasa Projek Pembangunan ISP IDFR 2013-2015 dan pegawai serta kakitangan IDFR yang menyumbangkan input tidak ternilai kepada penghasilan pelan ini. Terima kasih juga saya sampaikan kepada seluruh Warga IDFR sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan ISP ini.

Salam hormat.

  
AMBASSADOR AMINAH TUN HAJI A. KARIM

## 1.0 PENGENALAN

Perancangan dan penyelarasan pelaksanaan inisiatif ICT adalah amat perlu di dalam sesebuah organisasi bagi memastikan inisiatif tersebut adalah koheren dan selari dengan hala tuju strategik organisasi itu. Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan bagi memenuhi ekspektasi rakyat yang mahu perkhidmatan yang cepat, cekap, berkesan, mudah dan murah. Dalam proses menyediakan perkhidmatan yang cemerlang tersebut, sesebuah agensi perlu melakukan perancangan yang rapi bagi membawakan hasil yang bermutu.

Justeru itu, pihak IDFR mengambil langkah untuk menghasilkan satu dokumen strategik yang merupakan satu pelan untuk menyelaraskan peranan strategik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam menyokong dan memperluaskan fungsi-fungsi IDFR sekaligus menjayakan teras utama IDFR.

Pembangunan pelan ini adalah bertepatan dengan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2004 - Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 (Bahagian IX, Para 9.2) - Panduan Pengurusan Pejabat, yang mana menetapkan bahawa setiap agensi perlu membangun dan mengemukakan dokumen Pelan Strategik ICT (ISP) agensi ke Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Selain daripada itu, Penilaian Bintang (*Star Rating*) juga turut menekankan tentang kepentingan ketersediaan satu dokumen ISP yang diselaraskan dengan hala tuju strategik bagi setiap agensi melalui Kriteria A5-Pengurusan ICT yang terdiri daripada:

- i. A5.1: Pelaksanaan Pelan Strategik/Polisi;
- ii. A5.2: Pelaksanaan Tadbir Urus ICT;
- iii. A5.3: Pengurusan Laman Web/Portal Agensi; dan
- iv. A5.4: Pembudayaan IT Dalam Agensi.

Pelan ISP ini merupakan *Blueprint* ICT IDFR bagi tahun 2013 - 2015, yang bakal dilaksanakan berdasarkan pelan tindakan ICT dalam pelbagai bentuk program dan aktiviti.

Pembangunan ISP IDFR yang dimulakan secara dalaman bagi Fasa 1 pada 14 Mac 2013. Manakala, Fasa 2 dan 3 bermula pada 14 Jun 2013 yang dijalankan secara bimbingan dengan Pasukan Perunding ICT Sektor Awam, di bawah Perunding Perancangan Strategik ICT, MAMPU yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Zahari Othman dan dibantu oleh Puan Sukhaila Angsor.

## 2.0 SKOP PROJEK


Skop pelaksanaan projek pembangunan ISP IDFR merangkumi empat (4) perkara utama, iaitu:

- i. Keperluan ICT di jabatan melibatkan pengguna, rangkaian, peralatan ICT, sistem aplikasi dan pembangunan kandungan;
- ii. Pelan Strategik ICT ini akan mengambil kira keperluan penggunaan implementasi ICT di IDFR dan kolaborasi dengan Kementerian/Agensi lain;

- iii. Meneruskan apa yang telah dilaksanakan pada melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dengan pendekatan yang bersesuaian dan belanjawan tahunan yang disediakan; dan
- iv. Menyediakan Pelan Strategik ICT IDFR bagi tempoh 2013-2015.

### 3.0 PENDEKATAN PROJEK

Pembangunan ISP IDFR menggunakan metodologi Analisis, Strategi, Formulasi (ASF) bagi mengenalpasti keperluan teras agensi dan seterusnya menetapkan misi, visi dan teras strategik serta penghasilan inisiatif pelan tindakan ICT, IDFR bagi tempoh tiga (3) tahun. Metodologi ASF menggunakan pendekatan tiga (3) fasa utama seperti Rajah 1.



**Rajah 1: Aliran Proses Pembangunan ISP Menggunakan Metodologi ASF**

Ketiga-tiga fasa tersebut adalah seperti berikut:

- i. Fasa 1 (Analisis): Penilaian persekitaran semasa ICT;
- ii. Fasa 2 (Strategi): Pembentukan strategi ICT; dan
- iii. Fasa 3 (Formulasi): Perancangan pelaksanaan pelan tindakan ICT.

Aktiviti utama dalam proses pembangunan ISP, IDFR adalah sebagaimana perincian seperti Jadual 1.

**RINGKASAN EKSEKUTIF  
ISP IDFR 2013-2015**

**Jadual 1: Aktiviti utama dalam proses pembangunan ISP, IDFR 2013**


BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	<p>Perbincangan diantara pihak ICT, IDFR bersama-sama pihak ICT, KLN dengan pihak MAMPU.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memutuskan bahawa IDFR perlu melaksanakan Fasa 1 secara sendirian, sama ada dalaman atau menggunakan khidmat perunding luar. MAMPU bersedia memberikan taklimat <i>awareness</i> PSICT serta memberi panduan dan nasihat semasa proses pelaksanaan fasa tersebut. Manakala, khidmat perundingan sepenuhnya oleh MAMPU adalah melalui Fasa 2 dan Fasa 3.</li> </ul>	18 Jan 2013
2	<p>Penyediaan kertas cadangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>MAMPU memuktamadkan kertas cadangan dengan beberapa komen/ pandangan.</li> <li>Kertas cadangan yang diluluskan oleh pihak pengurusan atasan IDFR di hantar kepada pihak MAMPU.</li> </ul>	5 Mac 2013 1 Apr 2013
3	Penilaian Infrastruktur dan Sistem Aplikasi ICT oleh pihak Pasukan Kerja. <ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja-kerja ini dilakukan dengan meneliti dokumen yang direkodkan dan juga memerhatikan persekitaran sebenar infrastruktur dan sistem aplikasi ICT yang sedia ada di IDFR.</li> </ul>	11 Mac-12 Apr 2013
4	<p>Pengedaran Borang Soal Selidik Maklum Balas dan Kepuasan Penggunaan ICT, IDFR.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Borang diedarkan kepada kesemua Warga IDFR.</li> <li>Borang diedarkan kepada pelanggan IDFR (peserta kursus).</li> </ul>	19 Mac 2013 1 Apr 2013
5	<p>Pelaksanaan kerja-kerja menganalisis Borang Soal Selidik Maklum Balas dan Kepuasan Penggunaan ICT.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penilaian ke atas Borang Soal Selidik Maklum Balas dan Kepuasan Penggunaan ICT, IDFR oleh Warga IDFR.</li> <li>Penilaian ke atas Borang Soal Selidik Maklum Balas dan Kepuasan Penggunaan ICT, IDFR oleh pelanggan IDFR.</li> </ul>	15 Apr 2013 15-26 Apr 2013
6	<p>Beberapa sesi perbincangan/mesyuarat diadakan bagi menjayakan projek ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat Pasukan Kerja Pembangunan ISP IDFR Bil. 1/2013.</li> <li>Mesyurat di antara Pejabat Pengurusan Projek (PMO) IDFR dengan PMO KLN – bertujuan memperincikan perkara yang perlu dilakukan oleh pihak IDFR bagi membolehkan projek ini berjalan lancar.</li> <li>Mesyuarat Pasukan Kerja Pembangunan ISP IDFR Bil. 2/2013.</li> <li>Pra Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan ISP, IDFR.</li> <li>Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan ISP Bil. 1/2013.</li> <li>Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan ISP Bil. 2/2013 dan Sesi <i>Kick Off</i>.</li> </ul>	9 Apr 2013 17 Apr 2013 23 Apr 2013 29 Apr 2013 14 Jun 2013 26 Jun 2013

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan ISP Bil. 3/2013.</li> <li>Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan ISP Bil. 4/2013.</li> </ul>	29 Jul 2013 30 Sep 2013
7	<p>Pelaksanaan Bengkel Pembangunan ISP, IDFR:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bengkel ISP, IDFR Siri 1 – Seramai 31 orang Warga IDFR menghadiri bengkel ini yang diadakan di IDFR dengan objektif bengkel adalah:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengemukakan hasil kaji selidik berdasarkan Borang Soal Selidik Maklum Balas Dan Kepuasan Penggunaan Kemudahan ICT;</li> <li>Membentangkan hasil kajian mengenai Aplikasi Sistem, Infrastruktur dan Keselamatan ICT;</li> <li>Mengenalpasti pendekatan <i>Strengths Weaknesses Opportunities Threats</i> (SWOT) dalam skop ICT di IDFR;</li> <li>Mendapatkan tahap semasa infrastuktur ICT, hala tuju, visi dan misi ICT; dan</li> <li>Berkongsi analisis isu, cabaran dan harapan serta persekitaran semasa dan masa hadapan ICT di IDFR.</li> </ol> </li> <li>Bengkel ISP, IDFR Siri 2 – seramai 26 orang Warga IDFR menghadiri bengkel ini yang diadakan di Pahang dengan objektif bengkel adalah:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti dan menyenaraikan inisiatif dan program ICT;</li> <li>Mengenal pasti dan merancang pelan tindakan ICT; dan</li> <li>Membuat anggaran kos dan prioriti program ICT.</li> </ol> </li> <li>Bengkel ISP, IDFR Siri 3 – seramai 13 orang Warga IDFR menghadiri bengkel tersebut yang diadakan di Melaka dengan objektif bengkel adalah:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Menambahbaik/mengemaskinikan deraf penulisan ISP mengikut bab oleh setiap kumpulan;</li> <li>Menyemak deraf penulisan ISP antara ahli kumpulan secara <i>cross checking</i>; dan</li> <li>Memurnikan deraf dokumen ISP untuk dibukukan.</li> </ol> </li> </ul>	7-8 Mei 2013 27-29 Jun 2013 9-10 Sep 2013
8	Majlis Ringkas Sesi <i>Sign Off</i> ISP, IDFR 2013-2015.	30 Sep 2013

## 4.0 TADBIR URUS PROJEK

Bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan projek pembangunan ISP, satu (1) struktur jawatankuasa diwujudkan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Projek Pembangunan Pelan Strategik ICT (JPPISP), IDFR seperti Rajah 2. JPPISP dianggotai oleh seramai dua belas (12) pegawai dan kakitangan IDFR serta dibantu dua (2) pegawai dari Pasukan Perunding ISP MAMPU. Pengurus Projek JPPISP akan mengemaskinikan status semasa perkembangan pelaksanaan projek tersebut kepada pihak pengurusan atasan IDFR melalui Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan, IDFR pada setiap minggu dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) yang bersidang empat (4) kali setahun serta Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan ISP yang telah diadakan sebanyak empat kali sepanjang tempoh pembangunan projek.

## RINGKASAN EKSEKUTIF ISP IDFR 2013-2015



**Rajah 2: Ahli Jawatankuasa Projek Pembangunan ISP, IDFR 2013-2015**

## 5.0 NILAI TERAS, VISI, MISI, OBJEKTIF STRATEGIK DAN CARTA ORGANISASI IDFR

Dalam usaha menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada para pelanggan, pihak IDFR mengambil pendekatan penggunaan Visi dan Misi seperti Rajah 3 dan Rajah 4. Manakala Objektif Strategik IDFR bagi tempoh 2011 – 2015 boleh dirujuk melalui Rajah 5.

### VISI

Menjadi sebuah pusat antarabangsa dalam bidang latihan serta penyelidikan diplomasi dan hubungan antarabangsa yang dikenali di peringkat dunia.

**Rajah 3: Visi IDFR**

### MISI

1. Meningkatkan kecekapan dan profesionalisme para pegawai diplomatik melalui latihan yang sistematik dan berkaitan;
2. Memberi latihan yang berkualiti dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa kepada para peserta daripada dalam dan luar negara;
3. Menyediakan persekitaran latihan yang kondusif menggunakan kemudahan yang serba canggih dan terkini;
4. Mempertingkatkan usaha menjadikan IDFR sebagai pusat rujukan polisi luar negeri melalui penyelidikan dan penerbitan;
5. Menjalin hubungan strategik dalam bidang latihan dan penyelidikan bersama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan pusat pengajian tinggi di dalam negara dan luar negara; dan
6. Menghubungkan dunia melalui polisi luar negeri Malaysia.

**Rajah 4: Misi IDFR**

## OBJEKTIF STRATEGI


1. Kajian yang menyeluruh berhubung program-program latihan dengan merujuk kepada kesesuaian, keberkesan dan kualiti;
2. Pelantikan individu sebagai Felo Kehormat IDFR dan Penaung DiRaja;
3. Khidmat professional/pakar subjek yang berkelayakan dikenalpasti dan diambil sebagai tenaga pengajar/penceramah;
4. Satu model perniagaan baru dibangunkan untuk meningkatkan autonomi kewangan IDFR dan kemampunan;
5. IDFR dipersijilkan sebagai MS ISO 9001:2008;
6. IDFR sebagai pusat penyelidikan dan kumpulan pemikir bagi dasar luar negeri; dan
7. Satu pelan tindakan terperinci bagi menyokong misi dan matlamat IDFR.

### Rajah 5: Objektif Strategik IDFR

IDFR diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah serta lima (5) orang Pengarah Bahagian sebagaimana berikut:

- i. Bahagian Latihan;
- ii. Bahagian Bahasa;
- iii. Bahagian Akademik, Peyelidikan dan Penerbitan;
- iv. Bahagian Pengajian Serantau dan Sekuriti; dan
- v. Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat.
  - Seksyen Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan;
  - Seksyen Perpustakaan; dan
  - Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi


Butiran bagi Carta Organisasi IDFR adalah sebagaimana Rajah 6.



**Rajah 6: Carta Organisasi IDFR**

## 6.0 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK ICT

Merujuk kepada Visi dan Misi IDFR yang telah dihasilkan tersebut, Visi dan Misi ICT yang dikenalpasti adalah seperti Rajah 7.



**Rajah 7: Visi dan Misi ICT, IDFR**

## 7.0 TERAS STRATEGIK ICT


IDFR telah menetapkan tiga (3) Teras Strategik ICT untuk memastikan hala tuju ICT dapat dilaksanakan merujuk kepada Visi dan Misi ICT tersebut. Teras yang dihasil berdasarkan gabungan teras utama dalam skop pembangunan dan pelaksanaan ICT iaitu Sistem Aplikasi, Infrastruktur, Proses dan Orang (*People*) disenaraikan seperti Jadual 2.

**Jadual 2: Teras Strategik ICT**

TERAS 1	<b>Pemantapan Aplikasi dan Penggunaan Sistem</b>
<b>OBJEKTIF</b>	Mengukuh dan meningkatkan prestasi aplikasi bagi menggalakkan penggunaan sistem secara lebih efisien dan efektif.
<b>TERAS 2</b>	<b>Pengukuhan Infrastruktur ICT yang stabil dan selamat</b>
<b>OBJEKTIF</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Memantapkan infrastruktur ICT sedia ada berdasarkan teknologi terkini untuk meningkatkan keberkesaan penyampaian perkhidmatan organisasi.</li><li>Meningkatkan keselamatan ICT bagi menghindari sebarang pencerobohan dan ancaman keselamatan.</li></ul>
<b>TERAS 3</b>	<b>Pengukuhan Kompetensi dan Tadbir Urus ICT</b>
<b>OBJEKTIF</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Memantapkan infrastruktur ICT sedia ada berdasarkan teknologi terkini untuk meningkatkan keberkesaan penyampaian perkhidmatan organisasi.</li><li>Meningkatkan keselamatan ICT bagi menghindari sebarang pencerobohan dan ancaman keselamatan.</li></ul>

## 8.0 PENJAJARAN STRATEGIK BISNES DENGAN STRATEGIK ICT

Visi, misi dan ketiga-tiga teras ICT diselaraskan dengan visi, misi dan objektif strategik IDFR dalam memastikan perancangan strategik ICT dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada para pelanggan. Justeru itu, Penjajaran Teras Strategik ICT kepada Misi, IDFR disesuaikan seperti Rajah 8.



Rajah 8: Penajaran Teras Strategik ICT kepada Misi, IDFR

## 9.0 INISIATIF STRATEGIK ICT

Berdasarkan kepada tiga (3) Teras Strategik ICT yang dibentuk, sebanyak tujuh (7) strategi dan dua puluh empat (24) program ICT dikenal pasti bagi pengukuhan pelaksanaan ICT di IDFR bermula tahun 2013 sehingga tahun 2015. Strategi dan program ICT mengikut keutamaan Teras Strategik ICT bagi IDFR adalah seperti Jadual 3.

**Jadual 3: Strategi dan Program ICT Mengikut Teras**


BIL	TERAS	STRATEGIK	BILANGAN PROGRAM
1	Pemantapan Aplikasi dan Penggunaan Sistem	Pemantapan sistem aplikasi sedia ada.	4
		Pengintegrasian dan penambahbaikan skop penggunaan sistem aplikasi	2
2	Pengukuhan Infrastruktur yang satbil dan selamat	Penambah baikan infrastruktur ICT sedia ada	6
		Pemantapan Keselamatan ICT	2
3	Pengukuhan Kompetensi dan Tadbir Urus ICT	Peningkatan pengetahuan dan kecekapan ICT	3
		Pembudayaan dan kesedaran kepentingan penggunaan ICT kepada warga IDFR	2
		Penambahbaikan ke atas polisi ICT	5
<b>JUMLAH PROGRAM</b>			<b>24</b>

## 10.0 PEMETAAN STRATEGIK ICT DENGAN RANGKA KERJA STRATEGIK ICT SEKTOR AWAM

Rangka kerja strategik sektor awam diadaptasi dan digunakan sebagai rujukan kepada rangka kerja strategik ICT IDFR bagi tempoh tiga (3) tahun dalam memastikan strategik yang dihasilkan selari dengan hala tuju IDFR. Rangka kerja ini menggambarkan keseluruhan strategik yang dihasilkan daripada proses pembangunan ISP yang meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Saluran;
- ii. Laluan;
- iii. Hab Pengurusan Ilmu; dan
- iv. Persekutaran Pemboleh-Daya.

Pemetaan perancangan pelaksanaan ISP IDFR diantara tempoh tiga (3) tahun dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam adalah seperti Rajah 9.



Rajah 9: Pemetaan Strategi ICT dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam

## 11.0 PELAN TINDAKAN

Pelan tindakan dirangka bagi melaksanakan strategi dan program yang dikenal pasti. Pelan Tindakan ini mengandungi objektif, faktor kritikal kejayaan, tempoh masa, pemilik program dan petunjuk prestasi utama/*key performance indicator* (KPI) bagi setiap program ICT yang dirancang. Senarai program dan KPI adalah seperti Jadual 4 yang berikutnya.

**Jadual 4: Strategi dan KPI Setiap Program Mengikut Teras**

TERAS 1: PEMANTAPAN APLIKASI DAN PENGGUNAAN SISTEM				
STRATEGI	PROGRAM		SASARAN	KPI
1. Pemantapan sistem aplikasi sedia ada	1a	Naik taraf Laman Web IDFR	Kelulusan pihak pengurusan atasan	Dis 2012
			Pemilihan dan pelantikan pembekal	Ogos 2013
			Penambahbaikan Laman Web IDFR selesai	Dis 2013
	1b	Naik taraf Laman Web Perpustakaan IDFR	Pemilihan dan pelantikan pembekal	Apr 2014
			Penambahbaikan Laman Web Perpustakaan IDFR selesai	Dis 2014
	1c	Tambahbaik fungsi/modul Sistem Permohonan Kursus dan Pengurusan Asrama	Penambahbaikan selesai dilaksanakan	Dis 2014
	1d	Pembangunan dan Tambahbaik aplikasi sokongan:  i      Sistem Direktori; ii     Sistem Aduan ICT; iii    Sistem Tempahan ICT; dan CLIK	Satu (1) laporan kajian dan kertas cadangan pengukuhan aplikasi yang diluluskan	Apr 2014
			Lantikan pembekal	Jul 2014
			Penambahbaik Sistem Direktori, Sistem Aduan ICT dan Sistem Tempahan ICT selesai dilaksanakan	Mac 2015
			Sistem CLIK selesai dilaksanakan	Jun 2015

2. Pengintegrasian dan tambahbaik skop penggunaan sistem aplikasi	2a	Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu:	Satu (1) laporan kajian dan kertas cadangan mengintegrasikan aplikasi sedia ada yang diluluskan	Dis 2014
		i Sistem Direktori; Sistem Aduan ICT; dan Sistem Aduan Kerosakan dan Penyelenggaraan	Pelantikan pembekal	Apr 2015
		ii	Proses integrasi sistem selesai	Sep 2015
	2b	<i>Book Tracking System</i>	Satu (1) laporan kajian dan kertas cadangan mengintegrasikan aplikasi sedia ada yang diluluskan	Jan 2014
		i Sistem RFID dan Sistem Perpustakaan Berkomputer Berpusat	Pelantikan pembekal	Mac 2014
		ii	Integrasi sistem selesai	Jun 2014
			Pelaksanaan <i>Book Tracking System</i>	Jul 2014

#### TERAS 2: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT YANG STABIL DAN SELAMAT

STRATEGI	PROGRAM		SASARAN	KPI
1. Tambahbaik infrastruktur ICT sedia ada	1a	Kajian keperluan peralatan dan perisian pengguna	Laporan kajian 2013-2015 diluluskan oleh pengurusan tertinggi	Nov 2013
			Laporan kajian diluluskan oleh JPICT	Dis 2013
	1b	Perolehan perkakasan dan perisian	Pelantikan pembekal	Jun 2014
			Perkakasan dan perisian tersedia	Dis 2014
	1c	Migrasi rangkaian kepada 1Gov*Net	Rangkaian 1Gov*net tersedia	Dis 2013
	1d	Naik taraf protokol IPv4 kepada IPv6	Infrastruktur ICT tersedia IPv6	Jun 2014
	1e	Pelaksanaan 1GovUc	Infrastruktur 1GovUC tersedia IPv6	Dis 2014

	1f	Naik taraf kemudahan dan perkakasan pusat data sedia ada	Pusat Data IDFR dinaik taraf	Dis 2015
2. Pemantapan keselamatan ICT	2a	Kajian dan penilaian pengukuhan keselamatan ICT melalui <i>Security Posture Assessment (SPA)</i> dan <i>Network Audit</i>	Mendapat kelulusan JPICT  Laporan kajian dan penilaian SPA	Mei 2014  Dis 2014
	2B	Pelaksanaan sistem pemantauan rangkaian dalaman	Mendapat kelulusan JPICT  Sistem pemantauan rangkaian tersedia	Mei 2014  Dis 2015

**TERAS 3: PENGUKUHAN KOMPETENSI DAN TADBIR URUS ICT**

STRATEGI	PROGRAM		SASARAN	KPI
1. Peningkatan pengetahuan dan kecekapan ICT	1a	Penyediaan Pelan Latihan ICT 2014 - 2015	Satu (1) pelan latihan ICT 2014 - 2015 yang diluluskan	Nov 2013
	1b	Pelaksanaan Latihan dan Kursus ICT:		
	i	Kejurulatihan <i>Training of Trainers (ToT)</i>	Sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai ICT memperolehi sijil ToT	Dis 2015
	ii	Kakitangan ICT	Sekurang-kurangnya tiga (3) kursus dihadiri oleh kakitangan Seksyen ICT berkaitan ICT	Setiap tahun
	iii	Kakitangan Bukan ICT	Sekurang-kurangnya lima (5) orang kakitangan bukan ICT hadir kursus ICT	Setiap tahun

	1c	Pelaksanaan latihan kemahiran penggunaan aplikasi utama:		
	i	<u>Sistem e-Kerajaan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MyMesyuarat;</li> <li>• MyResults/OBB;</li> <li>• MyPrestasi; dan</li> <li>• HRMIS</li> </ul>	Sekurang-kurangnya sekali setahun bagi Sistem e-Kerajaan	Setiap tahun
	ii	<u>Sistem Dalaman</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem Perpustakaan Berkomputer Berpusat;</li> <li>• Intranet;</li> <li>• CLIK;</li> <li>• Sistem Permohonan Kursus;</li> <li>• Sistem <i>HelpDesk</i> ICT; dan</li> <li>• Sistem Aduan</li> </ul>	Sekurang-kurangnya dua (2) kali bagi Sistem Dalaman	Setiap tahun
2. Pembudayaan dan kesedaran kepentingan penggunaan ICT kepada warga IDFR	2a	Pelaksanaan program kesedaran dan pembudayaan ICT		
	i	Info ICT	Sekurang-kurangnya enam (6) artikel diedarkan	Setiap tahun
	ii	Penganjuran Hari ICT	Sekurang-kurangnya sekali penganjuran	Dis 2015
3. Tambahbaik ke atas polisi ICT	3a	Semakan semula polisi ICT: Dasar Keselamatan ICT	Terhasil tiga (3) polisi yang dikemaskinikan	Dis 2015
	i			
	ii	<i>Standard Operating Procedur (SOP)</i>		
	iii	Laman Web Tatacara Penggunaan Emel		
	iv	<i>Disaster Recovery Plan (DRP)</i>	SOP diluluskan dan diterima pakai	Dis 2015

	3b	Penyediaan Garis Panduan Dasar <i>Bring Your Own Device</i> (BYOD) IDFR	Satu garis panduan dihasilkan dan diluluskan	Dis 2015
--	----	---	--	----------

## 12.0 PELAN PELAKSANAAN

Beberapa pendekatan digunakan bagi memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancang dengan mengikut keutamaan dan tahun. Pendekatan keutamaan yang digunakan adalah terdiri daripad keutamaan tinggi, sederhana dan rendah. Penentuan keutamaan dibuat berdasarkan keperluan mendesak untuk mengatasi isu semasa yang dihadapi, berkepentingan tinggi serta diyakini memiliki sumber-sumber bagi penyelesaian isu-isu tersebut. Penentuan keutamaan dibuat berdasarkan impak dan tahap keperluan pelaksanaan (*urgency*) seperti Jadual 5.

**Jadual 5: Penentuan Keutamaan Program ICT**

KEUTAMAAN	PENERANGAN
Tinggi	Impak = tinggi : <i>urgency</i> = tinggi
Sederhana	Impak = tinggi : <i>urgency</i> = rendah atau Impak = rendah : <i>urgency</i> = tinggi
Rendah	Impak = rendah : <i>urgency</i> = rendah

### Keutamaan Tinggi:

Program dan aktiviti yang diberi keutamaan tinggi adalah seperti Jadual 6.

**Jadual 6: Senarai Program yang Mempunyai Keutamaan Tinggi**

BIL	PROGRAM	AKTIVITI
1	Naik taraf Laman Web IDFR	i. Mengumpulkan maklumbalas daripada pengguna laman web; ii. Menentukan skop penambahbaikan projek; iii. Mendapat kelulusan pihak pengurusan atasan; iv. Menyediakan dokumen pelaksanaan tender/sebutharga; v. Melantik pembekal untuk kerja-kerja naik taraf laman web; dan vi. Menaiktaraf laman web dilaksanakan.
2	Naik taraf Laman Web Perpustakaan IDFR	i. Mengumpulkan maklum balas daripada pengguna laman web; ii. Menentukan skop penambahbaikan projek; iii. Mendapatkan kelulusan projek daripada JPICT; iv. Menyediakan dokumen pelaksanaan tender/sebutharga; v. Melantik pembekal untuk kerja-kerja naik taraf laman web; dan vi. Menaiktaraf laman web dilaksanakan.
3	Penambahbaikan fungsi/modul Sistem Permohonan Kursus dan Pengurusan Asrama	i. Mengenalpasti aspek penambahbaikan; ii. Melaksanakan kerja penambahbaikan bersama pembekal yang membangunkan sistem tersebut; dan iii. Melaksanakan pengujian dan menggunakan modul baru.
4	Pembangunan dan Penambahbaikan aplikasi sokongan:  • Sistem Direktori; • Sistem Aduan ICT; • Sistem Tempahan • ICT; dan • CLIK	i. Membentuk pasukan penambahbaikan; ii. Mengenalpasti aspek penambahbaikan; iii. Menyediakan laporan; iv. Mendapatkan kelulusan daripada JPICT; v. Melaksanakan pengukuhan; vi. Menyediakan spesifikasi sistem; vii. Menyediakan dokumen sebutharga; viii. Melantik syarikat pembekal; dan ix. Menggunakan aplikasi sokongan yang ditambahbaik.
5	Migrasi rangkaian IDFR*Net ke 1Gov*Net.	i. Mengisi dan melengkapkan borang permohonan 1Gov*net (B01); ii. Menjalankan lawatan tapak bersama pihak <i>Government Integrated Telecommunications Network</i> (GITN) dan Telekom Malaysia (TM); iii. Mendapatkan <i>Notice to Commence</i> (NTC) dari pihak MAMPU; iv. Menghadiri mesyuarat dan perbincangan 1Gov*net bersama pihak KLN, GITN dan MAMPU; dan v. Melaksanakan migrasi pemasangan dan pentaulahan 1Gov*net oleh pihak GITN bersama IDFR.

**RINGKASAN EKSEKUTIF  
ISP IDFR 2013-2015**

6	Naik taraf Protokol IPv4 ke IPv6.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenalpasti insfrastuktur ICT yang dapat menyokong IPv6;</li> <li>ii. Mengisi borang soal selidik keperluan peruntukan;</li> <li>iii. Menghadiri mesyuarat dan perbincangan IPv6 dengan pihak KLN dan MAMPU; dan</li> <li>iv. Melaksanakan transisi dan pentaulahan IPv6.</li> </ul>
7	Kajian keperluan peralatan dan perisian pengguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menubuhkan pasukan kerja yang terdiri daripada Seksyen ICT, <i>focal officer</i> dari setiap bahagian;</li> <li>ii. Lawatan penandaarasan ke agensi /syarikat yang berteknologi tinggi contoh: (MDEC/Digi/Microsoft);</li> <li>iii. Mendapatkan maklumat keperluan perkakasan &amp; dan perisian melalui inventori sedia ada dan borang pengemasknian keperluan baru perkakasan dan perisian bermula 2013 hingga 2015; dan</li> <li>iv. Menyediakan laporan keperluan perkakasan dan perisian untuk dibentangkan ke dalam HOD/GMM/JPICT</li> </ul>
8	Perolehan perkakasan dan perisian	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan kertas cadangan perolehan perkakasan dan perisian;</li> <li>ii. Menyediakan kertas cadangan perolehan perkakasan dan perisian;</li> <li>iii. Memohon kelulusan peruntukan</li> <li>iv. Membentangkan kertas kerja untuk kelulusan JPICT;</li> <li>v. Melaksanakan proses perolehan; dan</li> <li>vi. Melaksanakan proses pemasangan dan pentaulahan perkakasan dan perisian.</li> </ul>
9	Pelaksanaan 1GovUc	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menghadiri mesyuarat dan perbincangan 1GovUC dengan pihak MAMPU bagi menentukan skop 1GovUC;</li> <li>ii. Melaksanakan intergasi, pemasangan, pengujian dan pentaulahan dan 1GovUC; dan</li> <li>iii. Klinik Penggunaan 1GovUC kepada Warga IDFR.</li> </ul>
10	Naik taraf kemudahan dan perkakasan pusat data sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenalpasti kemudahan dan perkakasan pusat data yang terlibat;</li> <li>ii. Menyediakan kertas cadangan;</li> <li>iii. Mendapatkan peruntukan kewangan;</li> <li>iv. Membentangkan kertas cadangan dan mendapatkan kelulusan JPICT;</li> <li>v. Melaksanakan proses perolehan; dan</li> <li>vi. Melaksanakan pemasangan, pengujian dan pentaulahan perkakasan.</li> </ul>
11	Penyediaan Pelan Latihan ICT 2014 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membentuk pasukan kerja;</li> <li>ii. Menjalankan sesi percambahan minda; dan</li> <li>iii. Menghasilkan satu laporan kajian keperluan Latihan ICT.</li> </ul>
12	Pelaksanaan Latihan/Kursus ICT - Kejurulatihan ( <i>Training for Trainers</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenal pasti jurulatih bersesuaian mengikut bidang; dan</li> <li>ii. Menghadirkan jurulatih ke kursus/latihan tersebut.</li> </ul>
13	Pelaksanaan Latihan/ Kursus ICT - Kursus Teknikal untuk kakitangan ICT	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merangka jadual kursus; dan</li> <li>ii. Menghadirkan peserta ke kursus/latihan yang disediakan.</li> </ul>

14	Pelaksanaan Latihan/ Kursus ICT - Kursus ICT untuk kakitangan bukan ICT	i. Merangka jadual kursus; dan ii. Menghadirkan peserta ke kursus/latihan yang disediakan.
----	--	---

### Keutamaan Sederhana

Program dan aktiviti yang diberi keutamaan sederhana adalah seperti Jadual 7.

**Jadual 7: Senarai Program yang Mempunyai Keutamaan Sederhana**


BIL	PROGRAM	AKTIVITI
1	Pelaksanaan program kesedaran dan pembudayaan ICT – Info ICT	i. Mengedarkan maklumat ICT melalui emel.
2	Pelaksanaan program kesedaran dan pembudayaan ICT – Penganjuran Hari ICT	i. Membenarkan pembekal mempromosi produk dan perkhidmatan mereka pada hari tersebut; ii. Menyediakan program/taklimat berkenaan ICT; dan iii. Membuka kaunter <i>helpdesk</i> ICT.
3	Pelaksanaan latihan kemahiran penggunaan aplikasi utama, iaitu:  <u>Sistem E-Kerajaan</u> • MyMesyuarat; • MyResults/OBB; • MyPrestasi; dan • HRMIS  <u>Sistem Dalaman</u> • Sistem Perpustakaan Berkomputer Berpusat; • INTRANET; • CLIK; • Sistem Permohonan Kursus; • Sistem <i>HelpDesk</i> ICT; dan • Sistem Aduan.	i. Merangka jadual kursus mengikut keutamaan; ii. Mengenal pasti kakitangan bersesuaian; iii. Mengenalpasti perunding yang bersesuaian; dan iv. Menghadirkan kakitangan ke latihan yang disediakan.
4	Penyediaan <i>Book Tracking System</i> • Sistem RFID; dan • Sistem Perpustakaan Berkomputer Berpusat	i. Menentukan skop kajian; ii. Mendapatkan kelulusan hasil kajian daripada JPICKT; iii. Melantik syarikat pembekal; iv. Melaksanakan konfigurasi dan pengujian; v. Melaksanakan integrasi; dan vi. Menggunakan sistem yang disediakan.

**RINGKASAN EKSEKUTIF  
ISP IDFR 2013-2015**

5	Kajian dan penilaian pengukuhan keselamatan ICT melalui <i>Security Posture Assessment (SPA)</i> dan <i>Network Audit</i> .	i. Mengenalpasti skop kajian dan penilaian SPA; ii. Menyediakan kertas cadangan; iii. Mendapatkan peruntukan kewangan; iv. Membentangkan kertas cadangan dan mendapatkan kelulusan JPICT; v. Melaksanakan proses perolehan; vi. Melaksanakan kajian dan penilaian SPA; dan vii. Mengambil tindakan pengukuhan ke atas penemuan kajian dan penilaian.
6	Pengintegrasian dan penambahbaikan skop penggunaan sistem aplikasi. Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu  • Sistem Direktori; • Sistem Aduan ICT; dan • Sistem Aduan Kerosakan dan Penyelenggaraan	i. Membentuk pasukan kajian; ii. Menentukan skop kajian; iii. Menjalankan kajian; iv. Mendapatkan kelulusan hasil kajian daripada JPICT; v. Melaksanakan hasil kajian; vi. Menyediakan dokumen sebutharga; vii. Melantik syarikat pembekal; dan viii. Menggunakan sistem yang diintegrasikan dan ditambahbaik tersebut.
7	Pelaksanaan sistem pemantauan rangkaian dalaman	i. Menyediakan kertas cadangan; ii. Mendapatkan peruntukan kewangan; iii. Membentangkan kertas cadangan dan mendapatkan kelulusan JPICT; iv. Melaksanakan proses perolehan; dan v. Melaksanakan pemasangan, pengujian dan pentauliahan perkakasan.
8	Semakan semula polisi ICT: • Dasar Keselamatan ICT • Standard Operating Procedur (SOP) Laman Web • Tatacara Penggunaan • Emel	i. Mengadakan perbincangan/mesyuarat bersama Kementerian dan MAMPU; ii. Mewujudkan pasukan/Jawatankuasa berkaitan; iii. Melaksanakan kerja-kerja pengemaskinian; dan iv. Menghasilkan SOP yang dikemaskinikan.
9	Semakan semula polisi ICT – <i>Disaster Recovery Plan (DRP)</i>	i. Mewujudkan pasukan DRP; ii. Merangka pelan tindakan; iii. Mewujudkan SOP; dan iv. Mewujudkan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti KLN, MAMPU atau pembekal.
10	Penyediaan Garis PanduanDasar <i>Bring Your Own Device (BYOD)</i>	i. Mewujudkan pasukan/Jawatankuasa berkaitan; ii. Mewujudkan tatacara peraturan; iii. Merangka pelan tindakan; Mewujudkan SOP; dan iv. Mengadakan ganjaran kepada pengguna aktif dan efektif.

**Carta Pelan Pelaksanaan Program-Program ICT**

Program dan aktiviti yang yang dirancang diperincikan melalui carta pelan seperti Rajah 10.



Rajah 10: Pelan Pelaksanaan Program ICT bagi tempoh 2013-2015

## 13.0 FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

Salah satu kriteria penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan ISP adalah faktor kritikal kejayaan. Merujuk kepada pelan tindakan yang dihasilkan, beberapa kriteria yang saling berkaitan menjadi tonggak dalam menentukan keberkesanan aktiviti atau program yang dirancang untuk ISP IDFR 2013-2015. Faktor tersebut ditunjukkan seperti Rajah 11.



**Rajah 11: Kriteria yang menentukan Faktor Kritikal Kejayaan Program ICT yang dirancangkan bagi tempoh tiga (3) tahun**

## 14.0 PENUTUP

Adalah diharapkan ISP ini dapat dijadikan suatu pelan bersepada dalam penggunaan atau sebarang urusan projek ICT di IDFR bagi tempoh tiga (3) tahun. Kriteria dari segi komitmen Warga IDFR, sokongan pihak pengurusan dan kewangan yang mencukupi akan merealisasikan hasrat pihak IDFR dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan berkesan, sejajar dengan keperluan dan kehendak pelanggan.



Ambassador Aminahtun



Dato' Zulkifli



Rosmahyuddin



Nik Muhd  
Hasbi




Zaiza



Noor  
Asyirah



Badriyah



Nor Azura



Izura



Jamiah



Idham



Shahhizam

# PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan khusus kepada Ketua Pengarah IDFR, Timbalan Ketua Pengarah IDFR, Pengarah-Pengarah Bahagian, Kakitangan Seksyen ICT dan seluruh Warga IDFR yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan ISP IDFR 2013-2015.

## RINGKASAN EKSEKUTIF ISP IDFR 2013-2015




Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penghasilan Dokumen ISP IDFR 2013-2015





Siri Junjung Buat Pinangan  
Dihias Indah Cantik Ditatang  
Ucapan Terima Kasih Dilupa Jangan  
Sekalung Budi Dalam Kenangan



Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)  
Kementerian Luar Negeri  
Jalan Wisma Putra  
50460 Kuala Lumpur  
<http://www.idfr.gov.my>

Tel: 603 2149 1000 | Faks: 603 2144 5640 | [info@idfr.gov.my](mailto:info@idfr.gov.my)

